

**Budaya Berfikir Ke Depan Perlu Untuk Tangani Cabaran Global - Raja Nazrin
Bernama
4 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Negara-negara perlu menerap budaya berfikir ke hadapan dalam masyarakat masing-masing demi menentukan mereka sentiasa siap sedia menghadapi cabaran global, kata Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah keperluan untuk melihat ke depan dan menjangkakan setiap peristiwa bukan saja merupakan sebahagian dari urus tadbir yang baik tetapi juga dinamisme ekonomi dan sosial.

"Jika kita melihat negara-negara yang dinamik, mereka sentiasa mengumpul maklumat dan cuba membuat jangkaan masa depan dan bertindak ke atasnya.

"Memang sering berlaku peristiwa di luar jangkaan yang akan menjejaskan negara-negara, syarikat atau masyarakat secara mengejut.

"Tetapi budaya melihat ke depan merupakan sesuatu yang menentukan bahawa negara-negara sentiasa berwaspada dan sedia bertindak bagi melindungi dan meliputi kepentingan nasional," tegas baginda dalam titah ucapan pada Persidangan Antarabangsa mengenai Kajian Antarabangsa ke 4 anjuran Universiti Utara Malaysia di sini pada Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713907>